KEMENTERIAN PENDIDIKAN
Pejabat Pendidikan Daerah Kluang,
Jabatan Pendidikan Negeri Johor,
2755 Jalan Sentosa
86000 Kluang, Johor

Tel : 07-772 2946
Laman Web : www.ppdkluang.edu.my

Ruj. Tuan: JBA 2044/600-3/4/5 (05)
Ruj. Kami: PPDKLG.600-3/1/1 Jld.4 ( )
Tarikh : 07 September 2026

Guru Besar
SK Seri Intan,
Jalan Intan, Taman Intan,
8600 Kluang
Johor Darul Takzim

Tuan,

MAKLUM BALAS SOKONGAN PENGANJURAN DAN PELIBATAN MURID SERTA GURU BAGI PROGRAM PGB BERKARYA KURSUS PERTOLONGAN CEMAS JUNIOR KEPADA AHLI MUDA BULAN SABIT MERAH MALAYSIA (BSMM) SEKOLAH RENDAH DAERAH KLUANG TAHUN 2026

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Kluang telah menerima dan meneliti permohonan penganjuran daripada pihak tuan. Pihak PPD mengalu-alukan kerjasama dengan agensi kerajaan dan agensi bukan kerajaan dalam pembangunan kokurikulum di daerah Kluang.

3. Sehubungan dengan itu, pihak PPD Kluang mengambil maklum akan permohonan tuan/puan serta **tiada halangan** bagi penganjuran dan pelibatan murid serta guru menyertai **PROGRAM PGB BERKARYA KURSUS PERTOLONGAN CEMAS JUNIOR KEPADA AHLI MUDA BULAN SABIT MERAH MALAYSIA (BSMM) SEKOLAH RENDAH DAERAH KLUANG TAHUN 2026** yang akan diadakan pada **30 September 2026** bertempat di **SK Seri Intan, Kluang.** Walau bagaimanapun, selaras dengan Surat Pekeliling Ikhtisas KPM Bil.24/1998, Bil.9/2000, Bil.9/2004, Bil.8/2009, Bil.10/2011, Bil.5/2018 dan Surat Siaran Pengurusan Kokurikulum Bil.2/2010. Pihak tuan juga perlu mematuhi Garis Panduan Pelaksanaan Aktiviti Sukan dan Kokurikulum KPM dan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Namun, kelulusan ini adalah terhad kepada urusan antara pihak tuan dengan pihak pengurusan sekolah sahaja bagi hal-hal berkaitan dengan perkara tersebut di samping mematuhi syarat-syarat berikut:

3.1 Pihak tuan hendaklah memohon kebenaran daripada pengetua/guru besar sekolah yang terlibat;

3.2 Semua guru terlibat hendaklah mendapakan kebenaran dan persetujuan daripada pengetua/guru besar sekolah yang terlibat bagi menyertai program ini;

3.3 Pihak penganjur adalah bertanggungjawab untuk mendapatkan kelulusan penganjuran daripada pihak-pihak berkaitan;

3.4 Pihak penganjur hendaklah memberi maklumat program kepada pihak sekolah supaya boleh dimaklumkan kepada guru yang terlibat;

3.5 Penyertaan guru hendaklah tidak mengganggu atau menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran mereka;

3.6 Surat ini **tidak boleh** diguna pakai bagi maksud untuk mendapatkan sumbangan serta tajaan daripada mana-mana pihak berkenaan;

3.7 Tiada implikasi kewangan kepada KPM, JPN, PPD dan sekolah yang terlibat;

3.8 Pihak penganjur hendaklah bertanggungjawab menanggung semua kos penganjuran program atau aktiviti yang dianjurkan termasuk pengangkutan, makan dan minum; melainkan mendapat pertimbangan khas daripada Pendaftar;

3.9 Pihak penganjur adalah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap keselamatan murid dan pegawai yang terlibat dengan program tersebut;

3.10 Pihak penganjur perlu mengemukakan **draf poster/gegantung/hebahan digital/sijil** untuk semakan PPD sebelum diedarkan;

3.11 Penggunaan logo PPD tanpa kelulusan adalah tidak dibenarkan. Pihak penganjur perlu **mengemukakan permohonan** penggunaan logo PPD beserta dokumen lengkap, **sekurang-kurangnya 30 hari sebelum penggunaan logo selepas mendapatkan maklum balas/surat sokongan permohonan penganjuran program ini**. Sebagai peringatan, logo ini hanya boleh dipamerkan pada sijil dan banner sahaja dan tidak dibenarkan untuk tujuan mendapatkan tajaan atau lain-lain yang bertujuan komersial;

3.12 Bagi **tujuan pelaporan**, pihak penganjur perlu mengemukakan satu salinan laporan tahunan persatuan (sekali setahun) dan salinan program **(30 hari selepas program) bagi aktiviti-aktiviti yang dijalankan;**

3.13 Pihak penganjur dimohon memastikan agar penerapan amalan nilai murni dapat dijadikan sebagai salah satu perkara yang wajib dilaksanakan sebelum/semasa/selepas program berlangsung bagi mendokong elemen tadbir urus insan (Human Governance) dalam kalangan murid sekolah di bawah KPM;

3.14 Pihak penganjur dimohon untuk mengemukakan **Surat Setuju Terima** kepada PPD dalam tempoh **14 hari** selepas menerima surat maklum balas permohonan bagi mengesahkan persetujuan untuk melaksanakan program dan penghantaran laporan / aktiviti lengkap; dan

3.15 PPD berhak menarik balik surat kelulusan ini sekiranya pihak penganjur gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar sedia ada yang sedang berkuat kuasa. **Sebarang ketidakakuran akan memberikan kesan kepada permohonan pada masa akan datang**

4. Surat kebenaran ini **hanya** untuk program **Program PGB Berkarya Kursus Pertolongan Cemas Junior Kepada Ahli Muda Bulan Sabit Merah Malaysia (BSMM) Sekolah Rendah Daerah Kluang Tahun 2026** yang akan diadakan pada **19 September 2026**. Sebarang kebenaran program baharu hendaklah dikemukakan kepada pihak Sektor Pembangunan Murid, PPD Kluang.

5. Sebarang pertanyaan berkaitan, sila hubungi Tn. Hj. Hanuar Bin Misron, Penolong PPD Pembangunan Bakat Murid di talian 07-7741103. Kerjasama daripada pihak tuan amat kami hargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

"SYNERGY IN EXECUTION : CONQUER THE CHALLENGE"

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah.

(ZAINUDDIN BIN MD. RAMLAN)
Timbalan PPD Pembangunan Murid
b/p Pegawai Pendidikan Daerah
Pejabat Pendidikan Daerah Kluang

sk : Fail

LAMPIRAN A

LAPORAN
(NAMA AKTIVITI)

1.0 Nama Program/Aktiviti

2.0 Tarikh Pelaksanaan

3.0 Mod Pelaksanaan

4.0 Penyertaan (Jantina/Bangsa) (Boleh dilampirkan)

BIL	SEKOLAH	PPD	JANTINA		BANGSA				JUMLAH	
1			L	P	MELAYU	CINA	INDIA	LL	MURID	GURU
2										
JUMLAH										

5.0 Rumusan Penyertaan

BIL	NAMA SEKOLAH	JUMLAH PENYERTAAN	%PENYERTAAN
1			
2			

6.0 Penyertaan & Pencapaian Individu Murid (Boleh dilampirkan)

BIL	NAMA MURID	SEKOLAH	PPD	NO. K/P	KATEGORI (Jika Ada)	PENCAPAIAN
1						
2						

7.0 Jadual Pengisian/Pelaksanaan Aktiviti

8.0 Peruntukan/Perbelanjaan Yang Diturunkan (*Jika Berkaitan)

9.0 Tetamu Kehormat (VIP) (*Jika Berkaitan)

10.0 Isu dan Cabaran

11.0 Cadangan Penambahbaikan

12.0 Gambar

Disediakan oleh:

Tarikh

LAMPIRAN B

CONTOH SURAT SETUJU TERIMA

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami :
Tarikh :

Pegawai Pendidikan Daerah
Pejabat Pendidikan daerah Kluang
2755, Jalan Sentosa,
86000 Kluang,
Johor
(U/P: Sektor Pembangunan Murid)

Tuan,

SURAT SETUJU KEBENARAN PENGANJURAN _____*(NAMA PROGRAM)*_____

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk dan surat Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Kluang bernombor rujukan:_____ bertarikh _____ adalah berkaitan.

2. Dimaklumkan bahawa pihak____(Nama Penganjur)_____ mengesahkan persetujuan untuk melaksanakan program yang dimohon berdasarkan terma dan syarat pelaksanaan program seperti yang dinyatakan pada para 3.1 hingga 3.18 dalam surat Maklum Balas Penganjuran Program Dan Penglibatan Murid Bagi Menyertai _____*(Nama Program)*____ mulai _____ hingga _____ bertempat di _____.

3. Pihak ____*(Nama Penganjur)*____ akan mengemukakan satu salinan laporan program yang dijalankan kepada PPD Kluang tidak lebih 30 hari selepas tamat program bagi tujuan pengiktirafan program (PAJSK).

4. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini, pihak tuan boleh menghubungi __*(Nama Penyelaras Program)*__ di talian __*(No. Telefon Bimbit)*__ atau e-mel __*(alamat E-mel)*__.
Perhatian dan kerjasama pihak tuan dalam perkara ini adalah amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

.....
(Nama)
Jawatan

SENARAI SEMAK PERMOHONAN PENGIKTIRAFAN PROGRAM PERINGKAT DAERAH

(PROGRAM ANJURAN SEKOLAH)

BIL	DOKUMEN	STATUS
1	Surat Permohonan Pengiktirafan (*Letterhead* Sekolah)	
2	Laporan Program	
3	Salinan Setuju Terima	
4	Surat Kelulusan Penganjuran (Surat kelulusan yang dikeluarkan oleh SPM, PPD)	

(PROGRAM ANJURAN AGENSI SELAIN SEKOLAH)

BIL	DOKUMEN	STATUS
1	Surat Permohonan Pengiktirafan (*Letterhead* Agensi)	
2	Laporan Program (Lampiran A)	
3	Salinan Setuju Terima (Lampiran B)	
4	Surat Maklum Balas Permohonan Penganjuran (Surat kelulusan yang dikeluarkan oleh SPM, PPD)	

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
SEKOLAH KEBANGSAAN SERI INTAN,
JALAN INTAN, TAMAN INTAN,
86000 KLUANG. JOHOR.

Tel: 07-7727908

Ruj. Kami: JBA 2044/600-3/4/5(05)
Tarikh :07 September 2026

Kepada:
Pegawai Pendidikan Daerah
Pejabat Pendidikan Daerah Kluang,
86000 kluang,
JOHOR.
(**U.P: HANUAR BIN MISRON** *-Pen.PPD Pembangunan Bakat Murid)*

Tuan,

PERMOHONAN KELULUSAN PENGANJURAN KURSUS PERTOLONGAN CEMAS JUNIOR KEPADA AHLI MUDA BULAN SABIT MERAH MALAYSIA (BSMM) SEKOLAH RENDAH DAERAH KLUANG TAHUN 2026

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Ahli Muda BSMM SK Seri Intan bersama Bulan Sabit Merah Malaysia (BSMM) Daerah Kluang bercadang untuk menganjurkan Kursus Pertolongan Cemas Junior kepada Ahli Muda BSMM Sekolah Rendah Daerah Kluang Tahun 2026 sebagai salah satu usaha memperkukuh pengetahuan, kemahiran dan kompetensi murid dalam aspek pertolongan cemas serta keselamatan diri.

3. Kursus ini dicadangkan untuk disertai oleh Ahli Muda BSMM sekolah rendah di daerah Kluang dan akan memberi pendedahan secara teori dan amali berkaitan asas pertolongan cemas. Antara kemahiran yang akan diberi penekanan termasuklah pengurusan kecederaan, rawatan awal, balutan, pengendalian mangsa serta tindakan awal dalam situasi kecemasan.

4. Penganjuran kursus ini diharapkan dapat memberikan manfaat kepada murid melalui peningkatan kemahiran pertolongan cemas, membentuk sikap prihatin dan bertanggungjawab serta memupuk keyakinan untuk memberikan bantuan awal dengan cara yang betul dan selamat.

5. Sehubungan dengan itu, pihak kami dengan penuh hormat memohon pertimbangan dan kelulusan pihak Pejabat Pendidikan Daerah Kluang bagi membolehkan kursus ini dilaksanakan mengikut perancangan yang telah ditetapkan. Pihak penganjur akan memastikan segala urusan pengelolaan, keselamatan peserta, pengurusan program dan perjalanan kursus dilaksanakan dengan teratur serta mematuhi ketetapan dan garis panduan yang berkuat kuasa.

6. Bersama-sama surat ini turut disertakan dokumen berkaitan untuk rujukan dan tindakan tuan selanjutnya:

i. Kertas kerja/program Kursus Pertolongan Cemas Junior;
ii. Draf Poster Program
iii. Draf Sijil (Penghargaan, Pencapaian dan Penyertaan)

7. Kerjasama dan pertimbangan pihak tuan dalam memberikan kelulusan bagi penganjuran program ini amatlah dihargai. Semoga pelaksanaan kursus ini dapat menyumbang kepada pembentukan murid yang berpengetahuan, berkemahiran, berdisiplin serta mempunyai kesedaran yang tinggi terhadap aspek keselamatan dan pertolongan cemas.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

.....
(NOR ZAIDIEIN JAMILUDDIN)
Guru Besar
Sekolah Kebangsaan Seri Intan

Sk: 1. Fail Unit BSMM

SEKOLAH KEBANGSAAN SERI INTAN
86000 KLUANG, JOHOR

KERTAS KERJA PROGRAM

KURSUS PERTOLONGAN CEMAS JUNIOR SEKOLAH RENDAH PERINGKAT DAERAH KLUANG TAHUN 2026

ANJURAN:

UNIT MUDA BSMM SK SERI INTAN

ANJURAN BERSAMA:

BSMM DAERAH KLUANG

TARIKH : 19.09.2026 (SABTU)
MASA : 07.00PAGI - 5.00PETANG
TEMPAT : DEWAN ARENA ILTIZAM

KERTAS KERJA PROGRAM
KURSUS PERTOLONGAN CEMAS JUNIOR
ANJURAN UNIT MUDA BSMM SK SERI INTAN
ANJURAN BERSAMA BSMM DAERAH KLUANG
PERINGKAT DAERAH KLUANG
TAHUN 2026

Pendahuluan : Kursus Pertolongan Cemas Junior merupakan satu program pendidikan kokurikulum yang bertujuan memberikan pendedahan awal kepada murid tentang asas pertolongan cemas, bantuan kecemasan serta tindakan awal ketika berlakunya kemalangan atau kecederaan ringan.

Program ini juga bertujuan membentuk murid yang berdisiplin, bertanggungjawab dan mempunyai nilai kemanusiaan sejajar dengan moto Bulan Sabit Merah Malaysia iaitu "Berkhidmat bila-bila masa, di mana sahaja."

Melalui kursus ini, murid akan didedahkan kepada latihan teori dan amali berkaitan bantuan kecemasan serta penggunaan kit pertolongan cemas dengan bimbingan guru penasihat dan fasilitator yang berpengalaman.

Matlamat : Melahirkan ahli BSMM junior yang mempunyai pengetahuan, kemahiran dan kesedaran berkaitan pertolongan cemas serta mampu menjadi murid yang prihatin dan bertanggungjawab dalam membantu individu yang memerlukan bantuan kecemasan.

Rasional / Objektif : Program ini diadakan untuk:

- ✓ Memberi pengetahuan asas pertolongan cemas kepada murid.
- ✓ Melatih murid bertindak dengan cepat dan betul semasa kecemasan.
- ✓ Memupuk nilai kemanusiaan, kerjasama dan disiplin dalam kalangan ahli BSMM.
- ✓ Meningkatkan kemahiran amali murid melalui latihan praktikal pertolongan cemas.
- ✓ Melahirkan murid yang berkeyakinan dan bersedia membantu masyarakat.

Sasaran :

Perkara	Maklumat
Sasaran Peserta	Ahli BSMM Tahun 5 dan Tahun 6
Bilangan Peserta	150 orang ahli
Penglibatan Guru	20 orang guru

Sekolah disertai :

1. SK Seri Intan
2. SK Dato' Syed Zain Alshahab
3. SJKT Jalan Haji Manan
4. SK Seri Kencana
5. SK Seri Kampung Tengah
6. SK Seri Lalang

Tempoh Masa : Tarikh: 19.09.2026 (SABTU)

Hari: Sabtu

Masa: 7.00 pagi hingga 05.00 petang

Tempat : Dewan Arena Iltizam

Anjuran : Unit Muda BSMM SK Seri Intan

Anjuran Bersama : BSMM Daerah Kluang

Tetamu Kehormat / Perasmi / Penceramah

Jawatan	Nama
Perasmi Pembukaan Kursus	Tuan Nor Zaidi bin Jamiluddin Guru Besar SK Seri Intan
Perasmi Penutupan Kursus	Tuan Fadzil bin Abdullah Timbalan Pengerusi BSMM Daerah Kluang
Penceramah Utama	En.Barbagaran a/l Validiner Jurulatih Sekolah BSMM
Fasilitator	Guru Penasihat BSMM SK Seri Intan

Jawatakuasa Induk : Pengerusi:Nor Zaidi bin Jamiluddin *(Guru Besar)*

Timbalan Pengerusi: Tarmizi bin Talim *(GPK Kokurikulum)*

Naib Pengerusi I: Suhaimi bin Mohamed *(GPK Pentadbiran)*

Naib Pengerusi II: Mohd. Farduas bin Elias *(GPK HEM)*

Naib Pengerusi III: Muhammad Muizuddin bin Mahbut *(GPK Pend.Khas)*

Naib Pengerusi IV: Pn. Hjh. Normaziah binti Sedek *(GPK Petang)*

Penyelaras Program: Barbagaran a/l Validiner *(Ketua Guru Pemimpin*

Setiausaha: Zakiah binti Zakaria *(Guru Pemimpin)*

Bendahari: Renuka a/p Gunakasaran *(Guru Pemimpin)*

Jawatankuasa Pelaksana : *Rujuk Lampiran I*

Aturcara Program : *Rujuk Lampiran III*

Implikasi Kewangan :

Sumber: Yuran penyertaan peserta = RM 40.00 / orang

Yuran Penyertaan sekolah =RM50.00 / sekolah

Anggaran Perbelanjaan:

Bil	Perkara	Anggaran (RM)
1.	Makan dan minum (3 kali) RM10 x 150 ahli RM10 x 20 orang guru	RM 1700.00
2.	Kit Amali Pertolongan cemas RM3.50 x 150 ahli	RM 525.00
3.	Nota Kursus	RM 50.00
4.	Sijil Penyertaan / Sijil Pencaiapan / Siji Akuan / Lencana Kecekapan PCJ	RM3000.00
5.	Hadiah	RM 1000.00
	JUMLAH	**RM 6275.00**

Penutup : Diharapkan program ini dapat memberi manfaat kepada murid dalam meningkatkan pengetahuan dan kemahiran asas pertolongan cemas serta melahirkan ahli BSMM yang aktif, berdisiplin dan prihatin terhadap keselamatan masyarakat.

Kerjasama dan sokongan daripada semua pihak amat dihargai bagi memastikan program ini berjalan dengan lancar dan mencapai objektif yang telah ditetapkan.

Disediakan Oleh,

.....

(BARBAGARAN A/L VALIDINER)
Ketua Guru Pemimpin
Unit BSMM SK Seri Intan

Disemak oleh,

.....

MOHD TARMIZI BIN TALIM
Penolong Kanan Kokurikulum
SK Seri Intan,
86000 Kluang, Johor.

Disahkan oleh,

.....

NOR ZAIDI BIN JAMILUDDIN
Guru Besar
SK Seri Intan
86000 Kluang, Johor.

LAMPIRAN I

KURSUS PERTOLONGAN CEMAS JUNIOR
ANJURAN UNIT MUDA BSMM SK SERI INTAN
ANJURAN BERSAMA BSMM DAERAH KLUANG
PERINGKAT DAERAH KLUANG
TAHUN 2026

Ahli Jawatankuasa Pelaksana:

Tugas	*Nama AJK*	*Peranan Tugas*
Penyelaras Program	➢ Barbagaran a/l Validiner	✓ Merancang, menyelaras dan memantau keseluruhan pelaksanaan program. ✓ Memastikan setiap AJK menjalankan tugas mengikut perancangan serta menjadi penghubung antara Jawatankuasa Induk dan Jawatankuasa Pelaksana.
Pengacara Majlis	➢ Zakiah binti Zakaria	✓ Mengendalikan perjalanan majlis mengikut tentatif yang ditetapkan, memastikan kelancaran majlis serta mengawal masa setiap segmen program.
AJK Kehadiran	➢ Guru Pemimpin SK Seri Kampung Tengah	✓ Merekod kehadiran peserta dan memastikan maklumat adalah lengkap serta tepat.
AJK Buku Program & Infografik	➢ Mardiana binti Ismail	✓ Menyediakan buku program (QR Buku program) ✓ Menyediakan 3 buah buku program untuk VIP ✓ Menyediakan Infografik program dan sebarluaskan dalam media sosial.
AJK Hadiah / Sijil & Cenderahati	➢ Hjh.Siti Zalena binti Ismail ➢ Guru Pemimpin SK Seri Lalang	✓ Menyediakan sijil watikah perlantikan dan sijil keahlian. ✓ Menyediakan cenderahati kepada tetamu. ✓ Memastikan susunan penerima mengikut senarai yang disahkan. ✓ Mengurus penyampaian semasa majlis berlangsung.
AJK Fotografi & Rakaman	➢ Guru Pemimpin SK Dato Syed Zain Alshahab	✓ Mengambil gambar dan merakam video sepanjang program. ✓ Memastikan dokumentasi visual lengkap untuk tujuan laporan sekolah.
AJK Jamuan	➢ Noratiqah binti Abdul Aziz	✓ Merancang dan mengurus penyediaan jamuan untuk tetamu.
AJK Persiapan Dewan dan Pentas Dewan	➢ Daud bin Dalib ➢ Hjh Arisah binti Tokaran	✓ Memastikan pentas dalam keadaan sedia dan bersih. ✓ Memastikan susunan kerusi, rostrum, meja dan sebagainya teratur.

		✓ Mengemas semula semua peralatan yang telah digunakan
AJK Laporan dan Dokumentasi	➢ Barbagaran a/l Validiner	✓ Menyediakan laporan lengkap selepas program termasuk gambar, kehadiran dan penilaian program untuk rujukan pihak pentadbiran.
AJK Siaraya & Multimedia	➢ Syazani Hakim bin Suliman	✓ Mengurus sistem audio seperti mikrofon, pembesar suara dan muzik latar. ✓ Memastikan semua peralatan berfungsi dengan baik sepanjang majlis. ✓ Menyediakan tayangan backdrop ✓ Menyediakan montaj aktiviti Tahun 2025 ✓ Mengurus dan mengendalikan aspek multimedia sepanjang program.
AJK Pengurusan Murid	✓ Noreha binti Badron ✓ Hjh Mine binti Kadot	✓ Mengurus kedudukan murid di dewan. ✓ Memastikan pergerakan murid mengikut laluan yang ditetapkan.
AJK Pertandingan	➢ Renuka a/p Gunasakaran ➢ Guru Pemimpin SJKT Jalan Haji Manan ➢ Guru Pemimpin SK Seri Kencana ➢ Wakil BSMM Daerah Kluang	✓ Menyediakan jadual pertandingan mengikut kategori dan masa yang ditetapkan. ✓ Memastikan tempat pertandingan, peralatan dan bahan pertandingan disediakan secukupnya. ✓ Memastikan pertandingan berjalan mengikut masa, peraturan dan prosedur yang ditetapkan. ✓ Mengurus borang pemarkahan, keputusan hakim dan dokumen pertandingan.

LAMPIRAN II

KURSUS PERTOLONGAN CEMAS JUNIOR
ANJURAN UNIT MUDA BSMM SK SERI INTAN
ANJURAN BERSAMA BSMM DAERAH KLUANG
PERINGKAT DAERAH KLUANG
TAHUN 2026

Aturcara Program:

Masa	Aktiviti
7.00am	Pendaftaran Perserta & Sarapan pagi
8.00am	Ucapan alau-aluan & Taklimat Program
8.30am - 9.30am	Slot 1: Teori Pertolongan Cemas Junior
9.30am-10.30am	Slot 2: Pemindahan Pesakit
10.30am - 10.45am	Rehat
10.45am - 12.45pm	Slot 2: Pertolongan Cemas Asas (Bebat dan Pembalut)
12.30pm - 1.00pm	Rehat & Makan Tengah hari
1.00pm - 3.00pm	Slot 3: Bantuan Pernafasan (CPR)
3.00pm - 4.00pm	Slot 4: Pertandingan
4.00pm-5.00pm	Majlis Penutup & Penyampaian Sijil

SK SERI INTAN KLUANG
MENYERLAH

BULAN SABIT MERAH MALAYSIA
MALAYSIAN RED CRESCENT

KURSUS PERTOLONGAN CEMAS JUNIOR

PERINGKAT DAERAH KLUANG

BELAJAR · BERANI · BERTINDAK
SELAMATKAN NYAWA

TARIKH
19.09.2026
(SABTU)

MASA
7.00 PAGI HINGGA
5.00 PETANG

TEMPAT
DEWAN ARENA
ILTIZAM
SK SERI INTAN

SASARAN
AHLI MUDA BSMM
DARI TAHUN 5
DAN TAHUN 6

BAYARAN
RM 40.00
SAHAJA

TERMASUK:
- ✓ MAKAN MINUM
- ✓ NOTA KURSUS
- ✓ KIT AMAL BANTUAN CEMAS
- ✓ SIJIL
- ✓ LENCANA KECEKAPAN

TALIAN 999
KECEMASAN

SILA BUAT PENDAFTARAN MELALUI KOD QR YANG DISEDIAKAN

KURSUS PCJ 2026

BERKHIDMAT BILA-BILA MASA, DI MANA SAHAJA



BELAJAR KEMAHIRAN

BERANI BERTINDAK

BERTANGGUNGJAWAB MEMBANTU

TARIKH TUTUP PENDAFTARAN: 13.09.2026 (Ahad)

JOM SERTAI! JADILAH HERO!

Sijil Penghargaan

Sekalung Penghargaan kepada

Atas sumbangan dan kerjasama yang diberikan dalam menjayakan

KURSUS PERTOLONGAN CEMAS JUNIOR AHLI MUDA BSMM
SEKOLAH RENDAH
PERINGKAT DAERAH KLUANG

Anjuran

UNIT AHLI MUDA BSMM SK SERI INTAN

Anjuran Bersama

BULAN SABIT MERAH MALAYSIA (BSMM) DAERAH KLUANG

pada

19 SEPTEMBER 2026

Bertempat di

DEWAN ARENA ILTIZAM, SK SERI INTAN

The Excellent Generation
INTANLIGENT
THIS IS
SK SERI INTAN
KLUANG JOHOR MALAYSIA
100% ORIGINAL
LIMITED EDITION
Since 1994

.....

NOR ZAIDI BIN JAMILUDDIN
GURU BESAR
SK SERI INTAN, KLUANG

Sijil Penyertaan

Dengan sukacitanya disahkan bahawa

Telah menyertai dengan jayanya

KURSUS PERTOLONGAN CEMAS JUNIOR AHLI MUDA BSMM
SEKOLAH RENDAH
PERINGKAT DAERAH KLUANG

Anjuran

UNIT AHLI MUDA BSMM SK SERI INTAN

Anjuran Bersama

BULAN SABIT MERAH MALAYSIA (BSMM) DAERAH KLUANG

pada

19 SEPTEMBER 2026

Bertempat di

DEWAN ARENA ILTIZAM, SK SERI INTAN

The Excellent Generation
INTANLIGENT
THIS IS
SK SERI INTAN
KLUANG JOHOR MALAYSIA
100% ORIGINAL
LIMITED EDITION
Since 1994

.....

NOR ZAIDI BIN JAMILUDDIN
GURU BESAR
SK SERI INTAN, KLUANG

Sijil Pencapaian

Dengan sukacitanya sijil ini dianugerahkan kepada

Kerana telah memperoleh

KURSUS PERTOLONGAN CEMAS JUNIOR AHLI MUDA BSMM
SEKOLAH RENDAH
PERINGKAT DAERAH KLUANG

Anjuran

UNIT AHLI MUDA BSMM SK SERI INTAN

Anjuran Bersama

BULAN SABIT MERAH MALAYSIA (BSMM) DAERAH KLUANG

pada

19 SEPTEMBER 2026

Bertempat di

DEWAN ARENA ILTIZAM, SK SERI INTAN

.....

NOR ZAIDI BIN JAMILUDDIN
GURU BESAR
SK SERI INTAN, KLUANG